

19 JAN 2004

ARKIB NEGARA PERKENAL E-SPARK

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Arkib Negara Malaysia akan memperkenalkan Strategi Pemuliharaan Arkib dan Rekod Kerajaan (e-SPARK)

untuk memulihara rekod-rekod penting di semua jabatan kerajaan.

Ketua Pengarahnya Rahani Jamil berkata apabila siap kelak, e-SPARK akan

menjadi garis panduan asas kepada semua jabatan kerajaan dalam pemuliharaan

rekod dari mula hingga pelupusan sesuatu fail.

"Projek ini bertujuan memastikan fail-fail bernilai kerajaan akan kekal

dan dipulihara dengan baik untuk dijadikan rujukan di masa depan," katanya

kepada Bernama selepas majlis jamuan sempena perasmian Galeria Perdana di

sini hari ini.

Galeria Perdana, bekas kediaman rasmi Perdana Menteri yang mempamerkan

koleksi aktiviti rasmi dan tidak rasmi Tun Dr Mahathir Mohamad dan keluarga

dari Ogos 1983 hingga Oktober 1999, dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk

Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 20 Dis lepas.

Rahani berkata usaha e-SPARK ini selaras dengan dasar kerajaan untuk

melaksanakan kerajaan elektronik yang banyak menggunakan internet dan

komputer untuk berhubung.

"Banyak dokumen penting yang dihantar melalui e-mail tidak direkodkan

dengan sempurna dan kebanyakannya hilang tanpa disedari," katanya.

Projek ini yang bermula sejak enam bulan lepas kini telah 70 peratus

siap dan dijangka selesai sepenuhnya menjelang April ini.

-- BERNAMA

ABI AHH ROS